



جابتن أكام إسلام فهغ

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH KORBAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG**

---

### **1. PENDAHULUAN**

Merujuk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuatkuasa mulai 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 memberikan lebih banyak kelonggaran untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang pada 11 Jun 2020 telah memutuskan bahawa ibadah korban boleh dilaksanakan di negeri ini dengan berpandukan garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

### **2. PANDUAN MELAKSANAAN IBADAH KORBAN**

Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini disediakan untuk panduan masyarakat umum (warganegara Malaysia sahaja)

berhubung kaedah dan cara melaksanakan ibadah korban dalam tempoh PKPP dengan mengambil kira untuk mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 kembali meningkat.

## **2.1 Tempat Pelaksanaan Sembelihan Korban**

Tempat pelaksanaan ibadah korban boleh dilaksanakan seperti di lokasi berikut;

- a) Rumah Penyembelihan (Abatoir) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) (5 buah)
  - i) Kuantan
  - ii) Temerloh
  - iii) Bentong
  - iv) Raub
  - v) Kuala Lipis
  
- b) Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh JPV (4 buah)
  - i) Mohd Bajjuri bin Abdul Mutalib  
PP 231, Kampung Permatang Pauh, 26600 Pekan.
  
  - ii) Mohamad Nor bin Salim  
L 53, Kampung Langgar, 26620 Pekan.
  
  - iii) Azmi bin Ahmad  
D'Ladang Trading, Lot PT 17804, KM10  
Bandar Tun Abdul Razak, 26400 Jengka.

- iv) Rumah Sembelihan Hj. Adam Sd. Bhd.  
Plot E, Ladang Tenusu Muadzam, KM6 Jalan Rompin  
26700 Muadzam
  
- c) Masjid dan Surau Serta Kandang Atau Tempat  
Penyembelihan Yang Mempunyai Peralatan Dan  
Kemudahan Penyembelihan Korban.
  
- d) Penyembelihan korban di Premis-Premis Persendirian  
adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

## **2.2 Tempoh Pelaksanaan**

- a) 10 Zulhijjah 1441H dan diikuti pada tiga (3) hari Tasyrik  
iaitu 11 hingga 13 Zulhijjah 1441H.
  
- b) Ibadah korban dilaksanakan mulai selepas Solat Sunat Aidil  
Adha sehingga sebelum terbenam matahari pada hari  
Ketiga Tasyrik.

## **2.3 Proses Sembelihan Di Masjid, Surau & Lain-Lain Tempat Penyembelihan**

- a) Pihak penganjur hendaklah menyediakan :-

- i. Kandang tempat diletakkan haiwan korban jika haiwan korban dihantar awal ke masjid atau surau.
- ii. Tempat sembelihan mempunyai kelengkapan dan kemudahan.
- iii. Ruang melapah dan membungkus daging.
- iv. Kaedah dan tempat pembuangan sisa najis, darah atau anggota yang tidak diperlukan dan sebagainya.
- v. Ruang menunggu jika pengagihan daging korban kepada penerima dibuat di masjid dan surau.
- vi. Penganjur hendaklah menandakan sempadan bagi kawasan tertentu dan menandakan penjarakkan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) seperti di tempat menyembelih, tempat melapah dan tempat pengagihan bagi tujuan pengasingan dan kawalan.
- vii. Penganjur hendaklah menentukan jumlah bilangan ekor sembelihan yang bersesuaian dengan kemampuan tenaga kerja dan keluasan ruang yang ada pada 4 hari yang dibenarkan bagi mengelakkan kesesakan.

b) **Kawalan Penularan Dan Jangkitan**

- a) Proses lapah dan proses keratan pembahagian hendaklah dibuat di tempat yang lapang dan tidak menyebabkan berlaku kesesakan.

- b) Jumlah kehadiran tidak boleh melebihi **20 orang** pada satu-satu masa sembelihan korban dan lain-lain aktiviti serta tertakluk kepada keluasan ruang yang ada.
- c) Mengikut garis panduan dan tatacara yang telah disediakan oleh:-
  - i) Memakai pelitup muka (face mask).
  - ii) Menyediakan hand sanitizer atau sabun basuh tangan.
  - iii) Menandakan penjarakkan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.
  - iv) Merekodkan kehadiran.
  - v) Pengukuran suhu tidak melebihi 37.5 darjah celsius.
  - vi) Peserta atau petugas yang hadir sihat dan tiada simptom atau gejala covid-19.
  - vii) Kanak-kanak dibawah usia 15 tahun tidak dibenarkan hadir dan bagi yang berusia atau yang mempunyai penyakit kronik tidak dibenarkan hadir bagi mengelakkan risiko jangkitan.
  - viii) Memastikan kehadiran tidak melebihi daripada 20 orang pada satu-satu masa dan pada satu-satu aktiviti.

ix) Bagi rumah sembelihan kelolaan Jabatan Veterinar, rumah sembelihan ruminan swasta yang dilesenkan dan kandang atau tempat penyembelihan yang mempunyai kemudahan dan peralatan adalah mengikut Garis panduan yang disediakan oleh JPV.

## **2.4 Permohonan Pelaksanaan Ibadah Korban**

Masjid dan Surau serta Kandang atau Tempat Penyembelihan yang mempunyai peralatan dan kemudahan penyembelihan korban hendaklah memohon pelaksanaan Ibadah Korban dengan Pejabat Agama Islam Daerah.

## **2.5 Penyembelih dan Haiwan Korban**

- a) Penyembelih hendaklah memiliki Sijil Tauliah Penyembelih Jabatan Agama Islam Pahang atau yang telah mendapat perakuan sebagai penyembelih oleh Pejabat Agama Islam Daerah.
- b) Binatang korban mendapat pengesahan atau permit daripada JPV.

## **2.6 Agihan Korban**

- a) Peserta korban boleh mengambil terus bahagiannya setelah selesai pengasingan daging.
- b) Bahagian daging korban untuk diberikan kepada golongan penerima yang telah dikenalpasti boleh dihantar terus ke rumah golongan tersebut oleh petugas ; atau
- c) Wakil penerima daging korban yang telah dikenalpasti hadir ke masjid mengikut masa yang ditentukan dengan mengikut sop yang telah ditetapkan.

## **3 PEMATUHAN PELAKSANAAN**

Pematuhan garis panduan ini hendaklah dipantau secara bersepadu oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Agama Islam Daerah, Penganjur dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang terlibat.

## **4. PENUTUP**

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan dan pematuhan garis panduan ibadah korban ini oleh pihak penganjur, akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin walaupun dengan kekangan wabak COVID-19. Semoga ibadah korban pada kali ini dapat dijayakan dalam suasana yang penuh mahabbah dan kasih sayang.